

Portal rasmi PSP terima 3.7 juta pelayar

KUALA LUMPUR - Seramai 3.7 juta pelayar internet telah mengunjungi portal rasmi Program Subsidi Petrol (PSP), <http://psp.kpdnhep.gov.my> sehingga kelmarin sejak ia dilancarkan pada 15 Oktober lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ewal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Muez Abd Aziz berkata, dalam tempoh itu juga sebanyak 748,095 transaksi seperti semak, daftar dan kemas kini maklumat direkodkan portal berkenaan.

"Kita mahu memastikan agar tiada yang tercicir, jadi kita mahu rakyat menyemak di portal dan semua talian KP-DNHEP bagi mengemas kini maklumat mereka," katanya dalam temu bual khas di Wisma Bernama di sini semalam.

Menurutnya, seramai 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) daripada golongan B40 layak menerima bantuan PSP.

"Data penerima PSP daripada golongan B40 adalah berdasarkan data asas penerima BSH yang diperoleh daripada



MUEZ

Kementerian Kewangan dan ia disilang semak dengan data pemilikan kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan," katanya.

Penerima di bawah PSP akan menikmati subsidi petrol sebanyak RM30 sebulan untuk pemilik kereta dan RM12 sebulan untuk pemilik motosikal.

Subsidi itu akan diberi dalam bentuk pemindahan tunai dan akan dikreditkan

terus ke akaun bank penerima setiap empat bulan dengan pembayaran pertama dibuat pada April 2020.

Sementara itu, mengulas komen se-setengah pihak yang menyatakan amaun pemberian PSP itu sebagai tidak mencukupi, Muez berkata, penentuan kuota bulanan itu adalah berpandukan kepada kajian jarak perjalanan yang lazim ke tempat kerja dan keperluan harian yang sejauh 1,500 kilometer sebulan atau 50 kilometer sehari.

"Amaun itu agak munasabah buat masa ini. Menteri pun ada cakap ia mungkin permulaan, kalau ada keperluan mendesak ia boleh dikaji semula," katanya. - Bernama